

Pemilik premis degil terima padah



Struktur premis dibuka selepas dipercayai dibina di atas tanah rizab jalan di Lembah Jaya.

AMPANG - Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat serta Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bertindak tegas terhadap pemilik premis yang dipercayai mendirikan struktur bangunan di atas tanah rizab jalan di Lembah Jaya, semalam.

Pegawai Daerah Hulu Langat Datuk Zul-kiefli@Zulkiefli Khalid berkata, pihaknya mendapati terdapat dua kilang besi, sebuah stor simpanan barang dan sebuah kediaman yang sebahagian strukturnya dipercayai didirikan di atas tanah rizab tersebut.

"Mereka telah diarahkan membuka sebahagian struktur berkenaan setelah notis dikeluarkan," katanya.

Beliau berkata, seramai 20

kakitangan PDT Hulu Langat, 40 anggota MPAJ bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang terlibat dalam operasi bersepadu di kawasan tersebut.

"Sebelum ini kita telah mengeluarkan Notis 425 yang diserahkan pada Ogos lalu. Pengusaha diberi tempoh 30 hari untuk membuka sebahagian struktur bangunan tersebut," katanya.

Malah katanya, pengusaha juga telah diberikan tempoh lanjutan namun mereka tetap berdegil.

"Operasi dijalankan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu pendudukan di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran."

'Pela

AMPAN
sini ker
penjena

Ketu
Hamza
yang be
ngan pe
sebelum
mahu

"Ma
apa-apa
kemudi
berada

"Sej
gelang
tangan
rakan s
lain," ka

berwar

Kes
Keseksa

Masalah banjir kilat **selesai**

Projek naik taraf sistem saliran di kawasan SK Hulu Kelang dijangka siap Oktober ini

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG - Masalah banjir kilat di Sekolah Kebangsaan (SK) Hulu Kelang dan kawasan sekitar dijangka selesai selepas projek menaik taraf sistem saliran siap Oktober ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil inisiatif melakukan kerja naik taraf pada awal tahun lalu di kawasan berkenaan selepas sekolah itu kerap berhadapan banjir kilat.

"Projek yang dianggarkan bernilai RM5.4 juta ini sudah dilaksanakan November tahun lalu dan dijangka siap Oktober ini," katanya.

Beliau berkata, skop kerja pula adalah menaik taraf saliran utama sepanjang 140 meter di dalam kawasan sekolah serta pembinaan rumah pam supaya air yang melalui sistem saliran ini akan dipam keluar dan

masuk ke dalam Sungai Klang.

"Flood Wall sepanjang 350 meter akan dibina di sempadan sekolah ini supaya sekiranya berlaku air melimpah di Sungai Klang, ia tidak akan memasuki kawasan sekolah.

"Kita juga akan bina jambatan pejalan kaki untuk merentangi Sungai Klang dari sekolah ini ke sekolah menengah berhampiran," katanya selepas turun padang melawat kerja naik taraf sistem saliran di SK Hulu Kelang, semalam.

Mohamed Azmin berkata, beliau juga mengingatkan perunding dan kontraktor supaya kerja-kerja tersebut mengikut jadual.

"Saya juga telah dengar maklum balas daripada guru besar dan yang dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah ini tentang keprihatinan mereka berhubung keselamatan pelajar ini harus diberi keutamaan.

Projek yang dianggarkan bernilai RM5.4 juta ini sudah dilaksanakan sejak November tahun lalu dan dijangka siap pada Oktober ini."

- Azmin

"Memang menjadi pendirian kerajaan negeri supaya keselamatan pelajar dan guru di sekolah ini diberikan keutamaan, perkara ini sudah diberi peringatan kepada pihak kontraktor perunding tersebut," katanya.

Beliau juga yakin setelah projek menaik taraf ini siap, ia dapat memberikan keselesaan kepada warga sekolah berkenaan.



Mohamed Azmin (dua, kiri) di SK Hulu Kelang, semalam

buku.prima
grup buku
karangkraf
membarakan jiwa & minda

INOVASI PENERBITAN KREATIF

